



# e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI SEPTEMBER 2015



FIESTA KENALI UBAT ANDA 2015



LAWATAN KERJA KE KRUBONG



SESI WALKABOUT YAB PM KE KAJANG



MALAYSIA HEALTHCARE TRAVEL COUNCIL (MHTC)



<http://www.moh.gov.my>



[www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia](http://www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia)



<http://twitter.com/kkmputrajaya>



<http://www.youtube.com/kementeriankesihatan>



<http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia>



# Fiesta Kenali Ubat Anda 2015



Tarikh: 19 September 2015

Tempat: Pusat Konvensyen Shah Alam, Shah Alam

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Fiesta Kenali Ubat Anda 2015. Turut hadir ialah Dato' Dr. Haji Azman Bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Dr. Balachandran a/l Satiamurti, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor dan Dr. Salmah Bt Bahri, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi. Fiesta ini diadakan bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai maklumat serta pengambilan ubat yang betul. YBMK menyeru kepada masyarakat supaya sentiasa mendapatkan nasihat dan rujukan daripada pengamal perubatan berkenaan pembelian ubat yang tidak dipreskripsi.



## Lawatan Kerja Ke Krubong, Melaka

Tarikh: 1 September 2015

Tempat: Klinik Kesihatan 1Malaysia Krubong, Melaka



YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja rasmi di Klinik Kesihatan 1Malaysia Krubong. Turut hadir Datuk Abdul Rahaman Karim, Exco Kesihatan & Pembangunan Sukan, Kerajaan Negeri Melaka, Dato' Dr. Azman Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan dan Datuk Dr. Ghazali Othman, Pengarah Kesihatan Negeri Melaka. YBTMK menyatakan pembukaan klinik 1Malaysia membuktikan kerajaan peka untuk membantu meringankan beban masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

## Sesi Walkabout YAB PM Ke Hospital Kajang

Tarikh: 8 September 2015

Tempat: Hospital Kajang, Selangor

YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan sesi *walkabout* ke Hospital Kajang yang diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, TKPK(P), Dr. Balachandran a/l Satiamurti, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor dan Dr. Kuldip Kaur a/p Prem Singh, Pengarah Hospital Kajang. Lawatan PM bertujuan untuk memantau fasiliti dan perkhidmatan kesihatan yang terdapat di Hospital Kajang. Bagi menampung pesakit yang semakin meningkat, Hospital Kajang perlu dinaiktaraf seperti penghawa dingin & pagar bagi memastikan keselesaan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit sentiasa terjamin dan selamat.



## Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)

Tarikh: 10 September 2015

Tempat: Palace Of The Golden Horses, Selangor

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah dijemput untuk berucap di *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) bersama media dan wakil-wakil swasta. Malaysia telah memenangi anugerah *International Travel Medical Journal* (IMTJ) Perubatan Travel Awards 2015 sebagai Destinasi Terbaik. 5 hospital di Malaysia telah mendapat anugerah seperti berikut:

- (i) Hospital Gleneagles Kuala Lumpur (Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Pelanggan).
- (ii) Imperial Dental Specialist Centre (Pilihan Inisiatif Kualiti Terbaik).
- (iii) Ramsay Sime Darby Healthcare (Pilihan Travel Laman Web Terbaik).
- (iv) Imperial Dental Specialist Centre (Klinik Pergigian Antarabangsa Terbaik).
- (v) Pusat Perubatan Beverly Wilshire (Pembedahan kosmetik Klinik Antarabangsa Terbaik).



## Majlis Perasmian PERKHIDMATAN KARDIOTORASIK HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN (HTAA)

Tarikh: 7 September 2015  
Tempat: Kuantan, Pahang

Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah telah merasmikan Perkhidmatan Kardiotorasik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA). Turut hadir ialah YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan, YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan dan YBhg. Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, TKPK (P). KDYTM Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah telah melawat dan meninjau fasiliti di HTAA. Baginda berkesempatan menziarahi dan beramah mesra bersama para pesakit dan juga warga kerja di HTAA.



## MAJLIS PERJUMPAAN BULAN SEPTEMBER 2015

Tarikh: 29 September 2015  
Tempat: Dewan Serbaguna, IPKKM

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Perjumpaan Bulan September di Aras 8, Dewan Serbaguna, Blok E7, IPKKM. Turut hadir dalam perjumpaan bulanan ialah YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK, Encik Saiful Anuar Lebai Hussen, TKSU (P) dan YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK (KA). Tema untuk perjumpaan bulanan September adalah #Sehatisejiwa.





## *Lawatan Kerja Ke* **Hospital Queen Elizabeth**

**Tarikh: 16 September 2015**  
**Tempat: Kota Kinabalu, Sabah**

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Turut hadir ialah Dato' Dr. Haji Azman bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan dan Tuan Haji Jalal Bongkik, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan. Lawatan bertujuan untuk melihat perkembangan dan fasiliti Hospital Queen Elizabeth serta mengadakan perbincangan bersama warga kerja hospital mengenai penambahbaikan dan perkhidmatan yang disediakan.



## **HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

**Tarikh: 17 September 2015**  
**Tempat: Kota Kinabalu, Sabah**

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu. Turut hadir ialah Dato' Dr. Haji Azman bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Tuan Haji Jalal Bongkik, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan Dr. Haji Razak Bin Tambi, Pengarah Hospital Queen Elizabeth II. Lawatan bertujuan untuk meninjau fasiliti di hospital yang menyediakan perkhidmatan kardiologi-kardiotoraksik.



# Management & Science University



Tarikh: 4 September 2015  
Tempat: Shah Alam, Selangor



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah memberikan ceramah di *Management & Science University* untuk berkongsi mengenai pencapaian dan cabaran terhadap sistem penjagaan kesihatan Malaysia. Menurut KPK, menuju ke Wawasan 2020, 8 strategi utama di bawah Rancangan Malaysia ke-11 akan menjadi tumpuan utama KKM. KPK menasihatkan warga KKM agar berinovasi, kreatif dan proses kerja hendaklah kekal lestari, saksama untuk memperolehi hasil yang baik pada masa akan datang.



## 27th Biennial Delegates Conference of the Government Midwives & Community Nurses Union of Peninsular Malaysia

Tarikh: 19 September 2015  
Tempat: Hotel Sani, Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah merasmikan *27th Biennial Delegates Conference of the Government Midwives & Community Nurses Union of Peninsular Malaysia* (Kesatuan Bidan & Jururawat Masyarakat Kerajaan Semenanjung Malaysia). Menurut KPK, terdapat 24,843 Jururawat Masyarakat (JM) & 50 bidan di Kementerian Kesihatan sehingga Jun 2015. KPK amat menghargai jasa-jasa Jururawat Masyarakat kerana individu-individu tersebutlah yang berada di barisan hadapan perkhidmatan kesihatan.





*Majlis*

## MAKAN MALAM ULANG TAHUN KE-10 HOSPITAL SERDANG 2015

**Tarikh: 4 September 2015**

**Tempat: Dewan Sri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya**

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah meghadiri Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Hospital Serdang. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK, Dr. Balachandran a/l Satiamurti, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor dan Dato' Dr. Haji Azman Bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan. Majlis tersebut bertujuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan warga kerja Hospital Serdang yang telah berkhidmat selama 10 tahun.



## Program Gotong-Royong & Pameran Kesihatan

**Tarikh: 20 September 2015**

**Tempat: Teluk Kumbar, Penang**

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Program Gotong-Royong dan Pameran Kesihatan di Taman Sungai Batu, Teluk Kumbar. Turut hadir ialah ADUN Bayan Lepas, YB Haji Nordin Ahmad. YBTMK turut mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa penganjur majlis dan penduduk yang mengambil inisiatif melaksanakan program gotong-royong yang bermanfaat ini. Program tersebut bertujuan untuk memberitahu masyarakat tentang pentingnya bergotong-royong untuk menjauhi diri dari penyakit berbahaya selain menikmati persekitaran yang bersih dan selesa.





## Ministry Of Health Malaysia Engineers' Conference MOHEC 2015

**Tarikh: 4-6 September 2015**

**Tempat: The Zenith Hotel, Kuantan**

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah merasmikan majlis *Ministry Of Health Malaysia Engineers' Conference* (MOHEC 2015). Turut hadir ialah Tuan Haji Jalal Bin Bongkik, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan En. Mohd Azizi Bin Ibrahim, Jawatankuasa Penganjur MOHEC 2015. Tema yang dipilih ialah "*Green Healthcare Facility For A Better Tomorrow*" bertepatan dengan Dasar Teknologi Hijau Negara sejajar dengan pertumbuhan industri dan inovasi yang mengambil kira aspek pemuliharaan alam sekitar. KKM telah memperkenalkan Program Sustainability dalam kontrak perkhidmatan sokongan hospital sebagai tanda sokongan memandangkan Kementerian Kesihatan percaya langkah ini akan memberi impak positif dari segi penjaminan dan pengurangan beban kewangan kerajaan sebanyak 20-40%.



## HARI INOVASI & KECEMERLANGAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)



**Tarikh: 29 September 2015**

**Tempat: Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah menghadiri Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Hospital Selayang telah memenangi JPM Non-ICT Anugerah Inovasi dan diberi pengiktirafan melalui penyertaan dalam kategori '*Hybrid*' dari Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK). Anugerah tersebut adalah melalui projek Pusat katarak. 37 hospital KKM sudah melaksanakan sekitar 32,000 pembedahan katarak setiap tahun. Semua pesakit boleh menikmati perkhidmatan percuma atau dengan bayaran minimum serendah RM103 untuk perkhidmatan katarak.



## MAJLIS ANUGERAH MEDIA KESIHATAN 2015 KKM



**Tarikh: 18 September 2015**

**Tempat: Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur**

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Anugerah Media Kesihatan 2015 KKM. Turut hadir ialah YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. Majlis diadakan bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf jasa para wartawan menyampaikan informasi kepada masyarakat.



## 205th Anniversary of the Independence Day of Mexico

**Tarikh: 16 September 2015**

**Tempat: JW Marriott Hotel, Kuala Lumpur.**

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah mewakili Kerajaan Malaysia untuk menghadiri 205th Anniversary of the Independence Day of Mexico, Majlis Resepsi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Mexico. Turut hadir ialah Duta Besar Mexico, TYT Carlos Felix Corona, diplomat dan perwakilan dari negara-negara lain di Malaysia. Majlis tersebut adalah sempena menyambut Hari Kemerdekaan Mexico. Majlis itu dihadiri kira-kira 400 tetamu termasuk ahli-ahli masyarakat Mexico dan kerajaan, pengiat seni, ahli akademik dan perniagaan Malaysia.





## 33th Malaysian Medical Association Annual Dinner & Installation Night

**Tarikh: 28 September 2015**

**Tempat: Hospital Tengku Fauziah, Perlis**

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan majlis 33rd Malaysian Medical Association Annual Dinner & Installation Night. YBMK telah memberi ucapan dalam majlis tersebut. Beliau juga memaklumkan bahawa

penurunan nilai ringgit tidak akan mempengaruhi kos dalam sektor kesihatan sama ada di hospital atau klinik kerajaan mahu pun swasta. Namun, hospital kerajaan harus bersedia menerima penghijrahan pesakit dari sektor swasta disebabkan kos rawatan yang meningkat.

## Lawatan kerja ke Perlis

**Tarikh: 28 September 2015**

**Tempat: Hospital Tengku Fauziah, Perlis**



YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah menghadiri Majlis Penyerahan Hospital Tengku Fauziah di Kangar, Perlis. Turut hadir ialah YB Tuan Romli Bin Dai, Setiausaha Negeri Perlis, YBhg. Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Puan Rahmah Binti Ramli, Setiausaha Bahagian Pembangunan. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk, Ketua Pengarah JKR yang menyerahkan bangunan kepada KSU, KKM. KSU berharap masyarakat setempat dapat memanfaatkan kemudahan yang disediakan di hospital tersebut dengan sebaiknya.



# *Perasmian* HOSPITAL TUARAN FASA 2

**Tarikh: 17 September 2015**

**Tempat: Hospital Tuaran, Sabah**

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Hospital Tuaran Fasa 2. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU, Dato' Dr. Haji Azman Bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Tuan Haji Jalal Bongkik, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan Dr. G. Mohan a/l Gopal Naidoo, Pengarah Hospital Tuaran. YBMK berkesempatan melawat dan bermesra serta menyampaikan cenderamata kepada para pesakit di hospital tersebut. Bangunan baru Hospital Tuaran Fasa dua telah beroperasi sejak Ogos 2015 dan penambahan 76 buah katil yang akan memberikan keselesaan serta kemudahan perkhidmatan perkhidmatan kepada 120 ribu penduduk sekitar kawasan Tuaran.



KURSUS



## PENGENALAN EKONOMI KESIHATAN

**Tarikh: 7-9 September 2015**

**Tempat: Avillion Admiral Cove, Port Dickson**

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah merasmikan Kursus Pengenalan Ekonomi Kesihatan anjuran Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa. Seramai 26 orang pegawai muda Gred M41 hingga M48 dari Ibu Pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital telah menghadiri kursus ini. Kursus ini bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan para peserta di samping membantu para peserta dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat secara amnya.



### PEGAWAI YANG BERTUKAR MASUK (GRED 54 KE ATAS)



#### DR. FARIZA BINTI DATO' FADZIL

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
UD54  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA  
Tarikh : 1 SEPTEMBER 2015



#### DR. KHAIRIAH BINTI IBRAHIM

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
UD54  
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT  
Tarikh : 1 SEPTEMBER 2015



#### DR. NASRUL MUHAIMIN BIN MOHD MOKHTAR

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
UD54  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA  
Tarikh : 14 SEPTEMBER 2015



#### DR. SHAZIMAH BINTI ABDUL SAMAD

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
UD54  
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT  
Tarikh : 28 SEPTEMBER 2015

### PEGAWAI YANG BERTUKAR KELUAR (GRED 54 KE ATAS)



#### YBHG. DATO' NADZRI BIN SIRON

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
UTAMA B  
JABATAN PERDANA MENTERI  
Gelaran : TKSU(PENGURUSAN)  
Tarikh : 1 SEPTEMBER 2015

## PEGAWAI YANG BERSARA (GRED 54 KE ATAS)

**TAN KEE LEONG**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI FARMASI  
UTAMA C  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI  
Tarikh bersara : 5 SEPTEMBER 2015 (WAJIB)  
Anugerah / pingat : A.P.C 1994, 2004, 2011  
Tempoh Perkhidmatan : 22 FEBRUARI 1982 hingga 05 SEPTEMBER 2015  
(27 tahun 11 bulan)

**DATIN DR. RUGAYAH BINTI HAJI BAKRI**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
KHAS C  
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN  
Tarikh bersara : 13 SEPTEMBER 2015 (WAJIB)  
Anugerah / pingat : A.P.C 2005  
Tempoh Perkhidmatan : 1 JUN 1980 hingga 13 SEPTEMBER 2015  
(27 tahun 11 bulan)

**ABDUL MANAN BIN MAT DAHAN**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PENERANGAN (PENDIDIKAN KESIHATAN)  
S52  
BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN  
Tarikh bersara : 13 SEPTEMBER 2015 (WAJIB)  
Anugerah / pingat : BINTANG A.M.N 2006, A.P.C 2001, 2006, 2012  
Tempoh Perkhidmatan : 12 NOVEMBER 1980 hingga 13 SEPTEMBER 2015  
(27 tahun 11 bulan)

**UMI KALSOM BINTI ABD RAHMAN**

Jawatan / Tempat : JURURAWAT  
U42  
BAHAGIAN KEJURURAWATAN  
Tarikh bersara : 16 SEPTEMBER 2015 (WAJIB)  
Anugerah / pingat : A.P.C 2001, 2002, 2012  
Tempoh Perkhidmatan : 7 JANUARI 1977 hingga 16 SEPTEMBER 2015  
(27 tahun 11 bulan)

**PENASIHAT****KETUA SETIAUSAHA**

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min

**KETUA PENGARAH KESIHATAN**

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)**

Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussien

**KETUA PENGARANG**

Hapsah Binti Mohd Dusa

**PENGARANG**

Baharudin Bin Mohamad  
Mona Ang  
Mohd Iswandy Bin Wally

**PENYUMBANG ARTIKEL**

Pejabat Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Unit Komunikasi Korporat